



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH

KESELAMATAN MAKANAN DI KUNDASANG JADI FOKUS – 7 PREMIS DITUTUP SERTA-MERTA

14 Oktober 2025

Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKN Sabah) melalui kerjasama sepadu Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK) Tuaran dengan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Ranau dan PKD Kota Belud telah melaksanakan Operasi Khas Keselamatan Makanan pada 7 dan 8 Oktober 2025 di sekitar Kawasan Pekan Kundasang, Ranau yang merupakan **kawasan tumpuan pelancongan domestik dan antarabangsa**. Operasi ini dilaksanakan sebagai langkah susulan menangani aduan awam yang diterima sekaligus persediaan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

Sebanyak 15 premis makanan diperiksa dalam operasi tersebut dan 22 notis dikeluarkan di bawah Akta Makanan 1983 serta Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, melibatkan pelbagai kesalahan termasuk kegagalan mematuhi kebersihan pengendali makanan, fasiliti premis dan penyimpanan makanan. Hasilnya, **7 premis telah diarahkan tutup serta-merta** bermula 7 Oktober 2025.

JKN Sabah menegaskan agar semua pengusaha dan pengendali makanan **mematuhi teguran dan arahan pembetulan** bagi memastikan makanan disediakan adalah **bersih dan selamat**, sekali gus **mencegah keracunan makanan** yang boleh menyebabkan penyakit serius atau kematian.

JKN Sabah akan meneruskan advokasi dan pendidikan sebagai langkah susulan kepada pengendali makanan, meningkatkan pemantauan berkala serta mengenakan tindakan undang-undang lebih tegas terhadap pengusaha yang berulang kali melakukan kesalahan. Semua pengendali makanan diingatkan supaya sentiasa mematuhi keperluan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 demi menjamin keselamatan makanan kepada orang ramai.

-TAMAT-

**Dikeluarkan oleh:
JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH**

